SAMPEL PERCUMA

Skema Trial STPM 2023 Sejarah Islam Semester 2 Terengganu

Set penuh: Kertas Percubaan STPM

Sem 1 · Sejarah

Sampel ini: 8 muka surat. Set penuh ada:

- 3 fail PDF
- Semester 1: kertas percubaan (trial) negeri, subjek yang dipilih + skema
- Blueprint 30 hari Semester 1 (setiap subjek)
- Semester 3: percubaan 2024, 10 subjek, banyak negeri, soalan + skema dalam satu fail

RM12.90

BELI SET PENUH RM12.90 >

nightmew.com/p/stpm · FPX semua bank · download sejurus lepas bayar

Sampel bermula di muka surat sebelah

940/2

SEJARAH ISLAM

SKEMA JAWAPAN

SIJIL TINGGI PERSEKOLAHAN MALAYSIA

(MALAYSIA HIGHER SCHOOL CERTIFICATE)

.....

1. **Bincangkan dasar politik dan ekonomi yang dilaksanakan oleh Khalifah Harun al Rasyid (786 – 809 M) sehingga dianggap sebagai zaman keemasan kerajaan Abbasiyah.**

Pengenalan

1. Khalifah Harun al Rasyid merupakan khalifah kelima kerajaan Bani Abbasiyah yang dilahirkan di Rayy, dan merupakan individu yang mempunyai keperibadian bijaksana, gigih, cekal, mencintai ilmu agama, dan berfikiran terbuka.
2. Baginda menaiki takhta pada tahun 786 Masihi selepas kemangkatan saudaranya, al Hadi dan pernah menjawat jawatan sebagai gabenor serta menyertai beberapa ekspedisi peperangan termasuk berhadapan dengan Rom Timur.
3. Dasar politik dan ekonomi yang dilaksanakan telah menyebabkan zaman pemerintahannya dianggap sebagai zaman keemasan.

Isi – isi penting

1. **Mengekalkan Baghdad sebagai pusat pentadbiran**

1.1 Khalifah Harun al Rasyid telah mengekalkan Baghdad sebagai pusat pentadbiran memandangkan lokasinya agak strategik dari segi politik dan ekonomi. Kota tersebut dilengkapi dengan pelbagai bangunan yang indah, benteng pertahanan dan pelbagai prasarana bagi memastikan kegiatan ekonomi berkembang.

1.2 Khalifah Harun al Rasyid telah membentuk sistem wazir, dan keluarga Barmaki merupakan antara tonggak yang membantu pembentukan kerajaan ini. Yahya bin Khalid

diikuti anak – anaknya Jaafar, al Fadhl, Muhammad dan Musa. Kebijaksanaan pentadbiran yang diketuai oleh keluarga ini telah mengukuhkan kekuasaan kerajaan Abbasiyah.

2. **Hubungan diplomatik**

2.1 Khalifah Harun al Rasyid berjaya mewujudkan suasana yang aman berikutan kejayaannya menjalinkan hubungan diplomatik dengan kuasa-kuasa besar seperti Perancis, Byzantine (Rom Timur), Andalusia, China, India dan lain – lain

2.2 Hubungan dengan Perancis meninggalkan impak yang cukup besar, jalinan hubungan antara Harun al Rasyid dengan Charlemagne telah menjamin keselamatan kerajaan Islam ini daripada ancaman musuh, sama ada Rom mahupun kerajaan Umaiyah di Andalus. Hubungan yang erat ini dibuktikan dengan pertukaran cenderamata dan kunjungan diplomat kedua – dua kerajaan.

2.3 Hubungan dengan Perancis ini juga menjadi asas kepada perkembangan agama Islam di Eropah Barat dan membolehkan hubungan perdagangan dua hala antara kedua-dua negara dapat dijalankan. Tegasnya, hubungan ini menggambarkan kerajaan Abbasiyah mendapat pengiktirafan daripada kuasa – kuasa luar.

2.4 Hubungan dengan China dan India dijalinkan berfokuskan kepentingan ekonomi, khususnya memajukan kegiatan perdagangan dua hala antara kedua – dua kerajaan. Hubungan ini juga membawa kepada perkembangan intelektual berikutan kemasukan karya – karya daripada negara China berkaitan ilmu perubatan, pelayaran, matematik dan persenjataan.

3. **Pemerkasaan bidang ketenteraan**

3.1 Khalifah Harun al Rasyid telah melaksanakan reformasi

Abbasiyah berada pada zaman keemasan tamadun Islam. Dasar-dasar politik dan ekonomi yang dilaksanakannya berjaya menjadikan kota Baghdad sebagai pusat pentadbiran, pusat perdagangan, intelektual dan kota yang aman membolehkan kerajaan ini berkembang dan diwarisi oleh penggantinya.

2. **Nilaikan pelaksanaan sistem naungan pada zaman kerajaan Bani Umaiyah**

Pengenalan

1. Sistem naungan merujuk kepada dasar perlindungan yang diberikan oleh kerajaan yang lebih kuat dan berpengaruh kepada kerajaan yang lemah atau yang berjaya dikuasai melalui kempen ketenteraan. Pelaksanaannya dikaitkan dengan pembayaran jizyah yang dikenakan kepada golongan bukan Islam sebagai balasan perlindungan harta dan nyawa serta simbol kekuasaan kerajaan Islam.
2. Pelaksanaan sistem ini telah bermula sejak zaman Nabi Muhammad s.a.w., namun mengalami perubahan yang jelas pada zaman Bani Umaiyah.

Isi – isi penting

1. **Pemerintahan Khalifah Muawiyyah bin Abu Sufyan**

para khalifah selepas itu melaksanakan dasar – dasar yang agak keras.

3. **Bincangkan perkembangan sistem pendidikan di Mesir pada abad ke-8M.**

Pengenalan

1. Sistem pendidikan Islam di Mesir bermula sebaik sahaja Islam bertapak di bumi Mesir apabila panglima Amru al-As yang dikirim oleh Khalifah Umar al-Khattab berjaya menguasai Mesir dari pemerintah Rom.
2. Perkembangan pendidikan Islam bermula di kota Fustat apabila gabenor Mesir, Amru al As menjadikannya sebagai pusat pentadbiran dengan menjadikan masjid yang bersempena dengan namanya, Masjid Amru al-As sebagai pusat pendidikan.

4 **Jelaskan sumbangan intelektual al-Khwarizmi dalam bidang matematik dan astronomi.**

Pengenalan

1. Abu Abdullah Muhammad bin Musa atau lebih dikenali sebagai *al-Khwarizmi* berbangsa Parsi dilahirkan di wilayah Khwarizm, Uzbekistan pada tahun 780M.
2. Pelbagai gelaran diberikan kerana keintelektualan beliau, antaranya Khwarizmi, al Cowarizmi, al Ahawizmi, al Karismi, dan al Goritmi.
3. Sumbangan al-Khwarizmi dalam pelbagai dsiplin ilmu sangat ketara hingga hari ini antaranya ilmu matematik, astronomi, pelayaran, geografi, falsafah dan muzik. Beliau juga digelar sebagai Bapa Ilmu Matematik Islam kerana sumbangan yang sangat bermakna dalam bidang ini.

Isi – isi penting

Bidang Matematik

1. Menghasilkan Karya Matematik

1.1 Al-Khwarizmi banyak menghasilkan karya matematik. Antara karya teragung beliau termasuklah *Mukhtasar fi Hisab al-Jabar wal-Muqabalah*. Karya ini membincangkan ilmu algebra sehingga tokoh ini mendapat jolokan Bapa Algebra Islam. Antara topik perbincangan dalam karya ini termasuklah ilmu yang berkaitan faraid, wasiat, perniagaan, istilah-istilah berkaitan algebra seperti punca-punca kuasa serta persamaan linear dan kuadratik. Karya ini telah diterjemahkan ke bahasa Latin dan menjadi rujukan utama dipelbagai universiti di Eropah.

1.2 *Kitab al Jami wa al Tafriq bin Hisab al Hind* pula membincangkan bidang ilmu yang dikenali sebagai ilmu persamaan, sekali gus memperkenalkan sistem algorism

5. Bincangkan tindak balas masyarakat tempatan ekoran peluasan kuasa Barat di Algeria pada abad ke-19 dan abad ke-20 Masihi.

Pengenalan

1. Abad ke-19 dan abad ke-20 menyaksikan kuasa – kuasa Barat telah melaksanakan dasar imperialis bukan sahaja di Asia, bahkan di Afrika. Antara kawasan yang menjadi sasaran ialah wilayah – wilayah yang dikuasai oleh kerajaan Turki Uthmaniyah.
2. Kedudukan yang strategik dan memiliki banyak tanah yang subur merupakan antara punca Algeria menjadi sasaran Perancis di samping ada kaitan dengan sentimen agama dan hasrat menyebarkan peradaban Barat.

Isi – isi penting

1. **Kebangkitan Hussain Dey**
   1.1 Kebangkitan wakil kerajaan Uthmaniyah ini berpunca daripada isu hutang iaitu keengganan kuasa Barat berkenaan melunaskan hutang pembelian gandum meskipun diberikan peringatan berulang kali.
   1.2 Hal ini menyebabkan Hussain Dey telah bertindak menghina Konsul Perancis, Deval serta enggan memberikan penghormatan terhadap bendera Perancis. Konflik semakin parah apabila giliran Perancis pula bertindak menyekat kemasukan kapal – kapal dagang Perancis ke pelabuhan Algeria.

namun yang merencatkan perjuangan kumpulan ini ialah tidak sehaluan dengan golongan ulama.

Kesimpulan

1. Kebangkitan masyarakat tempatan di Algeria adalah berpunca daripada sikap rakus penjajah Perancis yang berusaha menguasai segala sumber kekayaan Algeria, malah berhasrat menjadikan negara itu sebahagian daripada Perancis.
2. Walaupun kebangkitan ini gagal memperoleh kemenangan mutlak, namun keberanian pemimpin tempatan khususnya golongan ulama menyanggah dasar kuasa Barat berkenaan telah membuka mata kuasa imperialis lebih berhati – hati dalam melaksanakan dasar untuk mengukuhkan kuasa.

6 **Sejauh manakah isu politik telah membawa kepada pembentukan negara bangsa di Mesir pada abad ke-20 Masihi.**

Pengenalan

1. Negara bangsa merujuk kepada sebuah yang berteraskan sesuatu sesuatu bangsa yang mempunyai identiti tersendiri sera tidak terikat dengan mana – mana pihak khasnya pihak penjajah. Pengertian yang mudah negara bangsa ialah sebuah negara yang berdaulat yang memiliki ciri – ciri tersendiri.
2. Pembentukan negara bangsa Mesir berpunca daripada kebangkitan golongan nasionalis yang ingin membebaskan negara berkenaan daripada penjajahan British, dengan membentuk sebuah negara yang berdaulat.

TAMAT SAMPEL

Suka sampel ini?

Set penuh: Kertas Percubaan STPM

Sem 1 · Sejarah

Sampel ini: 8 muka surat. Set penuh ada:

- 3 fail PDF
- Semester 1: kertas percubaan (trial) negeri, subjek yang dipilih + skema
- Blueprint 30 hari Semester 1 (setiap subjek)
- Semester 3: percubaan 2024, 10 subjek, banyak negeri, soalan + skema dalam satu fail

RM12.90

BELI SET PENUH RM12.90 >

nightmew.com/p/stpm · FPX semua bank · download sejurus lepas bayar